



ISMAIL ABBAS (Datuk Haji) atau Amil Jaya (Allahyarham) dilahirkan pada 5 November 1939 di Kampung Pirasan, Kota Belud, dan telah kembali ke rahmahtullah pada 2 September 2009. Lulusan Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur dan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim Perak. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1982. Amil Jaya mula menceburkan diri dalam dunia penulisan dengan menghasilkan berita dan artikel tentang aktiviti di desa kelahirannya seperti pertandingan bola sepak, sambutan hari ibu bapa dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Mulai menulis puisi pada tahun

1958, Amil Jaya mengasah bakat dalam penulisan puisi dan kemudiannya terus berkembang dalam penulisan multigenre karya kreatif lain seperti cerpen dan novel. Tiga buah novelnya yang cukup signifikan yang sekaligus mengangkat namanya sebagai pengarang yang berwibawa dan matang ialah *Cerah*. Novel ini memenangi hadiah kedua dalam Sayembara Menulis Novel anjuran Badan Bahasa Sabah. Pada tahun 1977, novelnya *Ngayau* memenangi peraduan anjuran Gabungan Penulis Sedar (GAPURA) dan Biro Bahasa manakala *Bagaton* adalah novel ketiganya dan yang terakhir *Mariga*. Selain penerima SEA Write Award pada tahun 1992, beliau juga dianugerahi Sasterawan Negeri Sabah pada tahun 1990, Tokoh Pujangga dari Universiti Perguruan Sultan Idris dan antara penulis negeri yang menerima Hadiah Sastera Sabah. Beliau umpama mutiara kesusasteraan dan budaya negeri Sabah yang banyak menyumbang ke arah perkembangan bahasa dan sastera. Melalui jasa baktinya jugalah beliau telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 1998.